

Perangsang pertumbuhan ekonomi negara Islam

UM- 23/3/2006

KUALA LUMPUR 22 Mac - Bank Pembangunan Islam (IDB) bukan sahaja mahu dikenali sebagai pusat pembiayaan pinjaman kepada negara-negara Islam malah sebagai entiti yang mampu merangsang pertumbuhan ekonomi negara anggota melalui projek-projek pembangunannya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, melalui projek-projek pembangunan tersebut, negara-negara yang miskin khususnya akan mendapat manfaat.

Beliau yang merupakan Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah IDB berkata, syor itu merupakan antara isu yang dicadangkan dalam mesyuarat ketiga suruhanjaya tersebut di sini hari ini.

"IDB sebelum ini lebih tertumpu kepada fungsinya yang memberi pinjaman tetapi sekarang kita sedang mencari jalan lain daripada operasi IDB seperti projek pembangunan.

"Banyak instrumen yang kita boleh tawarkan dan kita sedang melihat usaha untuk membantu negara miskin khususnya dalam bidang pembangunan dan bukan dalam perbankan semata-mata," katanya pada sidang media.

Sehingga kini, IDB telah membiayai 1,518 projek bernilai AS\$16.164 bilion dengan 1426 Hijrah (2005-2006) sahaja, sebanyak 139 projek dibiayai melibatkan AS\$2.2 bilion.

Dr. Mahathir memberitahu antara cadangan lain yang dikemukakan dalam mesyuarat tersebut ialah menggalakkan negara-negara Islam mengeluarkan produk khususnya yang dibuat daripada bahan mentah yang mempunyai nilai tambah agar mendapat tempat di pasaran negara-negara maju.

Ujarnya, tanggapan negara-negara maju terhadap negara-negara Islam sebelum ini berhubung barangan keluaran mereka berkualiti rendah perlu diubah.